

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
DI MAJLIS PENYERAHAN BARANGAN KRAFTANGAN
SUMBANGAN DARIPADA THE GENERAL ELECTRIC
COMPANY OF MALAYSIA SDN. BHD.
KEPADA PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA DI LONDON
PADA HARI KHAMIS, 18HB. APRIL, 1985

Tuan Yang Terutama

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia dan isteri;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya untuk menyampaikan sumbangan barangan kraftangan daripada The General Electric Company of Malaysia Sdn. Bhd. kepada Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London.

2. Saya mengambil kesempatan ini bagi menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada GEC Malaysia di atas sumbangan mereka. Sumbangan ini amat bererti sekali kerana sumbangan barangan kraftangan ini akan dapat membantu Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London memperkenalkan hasil kraftangan Malaysia kepada penduduk tempatan di Britain dan pelawat-pelawat dari negara-negara asing. Kita semua sedar bahawa Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan Malaysia mempunyai peranan penting dalam memperkenalkan kraftangan Malaysia di luar negeri. Ini adalah selaras dengan cita-cita Kerajaan yang ingin melihat barangan keluaran Malaysia, termasuk

kraftangan, mendapat pasaran dan sambutan yang baik di luar" negeri.

3. Dalam konteks mengeluarkan barangan kraftangan untuk pasaran, baik di dalam mahupun di luar negeri, Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap pembangunan industri kampung dan kraftangan. Pengwujudan Perkampungan Karyaneka di Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur, iaitu sebuah pusat pemasaran bagi barangan kraftangan tempatan, adalah bukti kepada hasrat dan cita-cita kita untuk mengetengahkan seni budaya Malaysia yang kita banggakan. Di samping itu, adalah hasrat Kerajaan bagi menjadikan industri kraftangan ini sebagai satu industri yang dapat menolong membangunkan negara.

4. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan maklum, barangan kraftangan yang dihadiahkan pada hari ini adalah sangat berharga. Walaupun pihak penderma tidak memberitahu harga sebenarnya, tetapi saya percaya barangan kraftangan ini adalah sangat mahal. Justeru itu, saya berharap kakitangan Kedutaan Malaysia akan dapat menjaga barangan kraftangan ini dengan sempurna. Saya yakin kita semua sedar bahawa tanggungjawab bersama ini adalah penting supaya barangan kraftangan yang dihadiahkan pada hari ini akan dapat digunakan seberapa lama yang mungkin. Semakin lama barangan kraftangan ini dijagai dengan sempurna, semakin mudahlah tuan-tuan dan puan-puan memperkenalkan kebudayaan dan kraftangan Malaysia kepada penduduk tempatan di Britain ini dan pelawat-pelawat dari negara-negara lain.

5. Akhir kata, izinkan saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak GEC Malaysia kerana telah bermurah hati menyumbangkan barangan kraftangan untuk dipamerkan di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London. Langkah ini dipercayai akan dapat menarik masyarakat negara asing melihat dengan lebih dekat lagi warisan budaya kita di samping menarik minat mereka untuk mengenali negara kita,

Malaysia. Usaha ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk memperkenalkan Malaysia kepada negara luar, di samping menarik para pelancong ke Malaysia.

Terima kasih.
